

# YBR peruntuk RM2.25j untuk biasiswa

Oleh ANIS NABILA KHIDIR

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 MAC

**Y**AYASAN Bank Rakyat (YBR) memperuntukkan sebanyak RM2.25 juta untuk biasiswa kepada pelajar bagi tahun ini.

Jumlah Biasiswa YBR tersebut adalah hasil daripada keseluruhan pembiayaan pendidikan yayasan sebanyak RM24.88 juta.

Pengerusi YBR, Datuk Noripah Kamso berkata, biasiswa tersebut merupakan usaha yayasan untuk melahirkan graduan berinovatif dan kompeten di samping menjadikan pelajar lebih berdaya saing.

“Sebanyak 70 peratus daripada dana yang diterima daripada Bank Rakyat adalah untuk pembiayaan pendidikan, 20 peratus untuk program mampan manakala 10 peratus untuk operasi pelaburan.

“Saya yakin peruntukan pembiayaan pendidikan serta pro-

gram modal insan yang menyeluruh akan berupaya memacu kecermerlangan dalam kalangan pelajar berpotensi sekali gus melahirkan insan berkualiti minda kelas pertama,” katanya dalam majlis Pelancaran Biasiswa YBR di Menara Kembar Bank Rakyat di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang, Prof. Datuk Seri Dr. Datin Nasir Ibrahim dan Pengurus Besar YBR, Norashikin Shaharudin.

Biasiswa tersebut menawarkan pembiayaan pendidikan kepada pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat asasi dan ijazah sarjana muda di universiti awam serta swasta di dalam dan luar negara.

Permohonan Biasiswa YBR terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 hingga 30 tahun yang akan melanjut-

kan pengajian secara sepenuh masa dalam bidang data sains, pengkomputeran, kejuruteraan, teknologi maklumat, pengurusan dan kemanusiaan.

Sekatak ini, YBR memberi manfaat penajaan kepada 4,904 pelajar dan 355,091 murid melalui pembiayaan pendidikan tersebut.

Noripah berkata, inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada komitmen YBR dalam menyokong falsafah pendidikan kebangsaan untuk mengembangkan

potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

“Usaha Biasiswa YBR adalah untuk menyahut hasrat kerajaan bagi membentuk masyarakat bersatu padu dengan menjadi bidang pendidikan sebagai titik mulanya,” katanya.



NORIPAH KAMSO